

# KERATAN AKHBAR ONLINE

JUDUL : BERITA HARIAN

TARIKH : 23 Mei 2024

SITASI :

M/S :

Ismail, S. (2024, May 23). KPN terus pupuk semangat perpaduan, keharmonian. *Berita Harian*. Retrieved May 25, 2024, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/05/1250612/kpn-terus-pupuk-semangat-perpaduan-keharmonian>.



## KPN terus pupuk semangat perpaduan, keharmonian

Oleh [Saadiah Ismail](#) - Mei 23, 2024 @ 9:44pm

[saadiah\\_ismail@bh.com.my](mailto:saadiah_ismail@bh.com.my)



KUALA LUMPUR: Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan yang sedang berlangsung di Padang Akasia & Begonia, Angsana Mall, Johor Bahru bermula pada 23 hingga 26 Mei 2024 menyaksikan pelbagai aktiviti menarik disediakan dalam usaha memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata terdapat kira-kira lebih 50 aktiviti menarik membabitkan pelbagai kaum disediakan, antaranya pameran jabatan, agensi kerajaan dan swasta, sesi perkongsian ilmu melalui forum dan wacana perpaduan, jualan Rahmah, persembahan kebudayaan dan juga sukan.

Katanya, pameran membabitkan 24 suku kaum, termasuk replika Perkampungan Rumah Panjang Suku Kaum Iban dan Perkampungan Orang Asli bagi memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada pengunjung mengenai kepelbagai budaya dalam negara.



"Kementerian juga menyediakan rruai pembayaran kompaun saman, iaitu diskaun sehingga 50 peratus dan penukaran topi keledar secara percuma untuk 1,000 unit pertama dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Permainan e-sukan turut dianjurkan untuk memastikan keterujaan khususnya kepada generasi muda pada sambutan kali ini," katanya.

Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, esok.

Aaron berkata, kehadiran Perdana Menteri secara tidak langsung menunjukkan komitmen kerajaan dalam usaha memartabatkan agenda perpaduan di negara ini.

"Ia juga menunjukkan kesungguhan kerajaan bagi menyemarak semangat perpaduan dan kesepaduan dalam kalangan rak-yat

berbilang kaum dan agama," katanya.

Sambutan yang bertemakan 'Perpaduan Dalam Kepelbagaiannya ini' adalah wadah memupuk semangat muhibah dan perpaduan dalam kalangan masyarakat, selain peluang untuk pemimpin bertemu serta beramah mesra dengan rakyat.

Selain aktiviti menarik yang dianjurkan pada sambutan kali ini, KPN juga menekankan kepada penghayatan dan pemahaman Rukun Negara.

"Bagi menyemarakkan lagi penghayatan dan pemahaman Rukun Negara, Kementerian melancarkan inisiatif Eksplorasi Rukun Negara (ERN) pada tahun lalu yang membabitkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat sebagai medium penyatupaduan rakyat Malaysia.

Ia membabitkan tiga peringkat, iaitu masyarakat awam, murid sekolah dan pelajar universiti.

"Tahun ini juga mencatatkan sejarah apabila Dewan Rakyat dan Dewan Negara memulakan sesi lafaz ikrar Rukun Negara secara penuh buat kali pertama tanpa mengira fahaman politik.

Setiap pemimpin bertanggungjawab memberi teladan baik dalam mengamalkan nilai perpaduan dan keharmonian," katanya.



Beliau berkata, usaha mempromosi dan menerapkan penghayatan Rukun Negara turut giat dikembangkan pada peringkat Sekretariat Rukun Negara (SRN) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

"Sehingga 31 Mac 2024, sebanyak 189 SRN yang berdaftar di kampus IPT di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 30 SRN berdaftar di Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), manakala 36 SRN di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), 28 di Politeknik, 17 di kolej matrikulasi, 51 di kolej komuniti dan 27 di kampus-kampus Institut Perdidikan Guru (IPG).

"Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) turut melaksanakan pelbagai inisiatif dan program penghayatan Rukun Negara pada peringkat IPT seperti Debat Perpaduan, Chit Chat Belia, Jalinan Integrasi Nasional, Raja Kita Payung Kita dan sebagainya.

"Dalam usaha memperkasakan aktiviti SRN, mulai tahun ini Kementerian memperuntukkan RM3,000 kepada semua SRN bagi melaksanakan ERN di peringkat IPT," katanya.

Beliau berkata, Kementerian juga mencadangkan inisiatif baharu bagi agenda pengukuhan penghayatan Rukun Negara melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Pendidikan dan Penghayatan Rukun Negara, Syor Rukun Negara sebagai mukadimah Perlembagaan Persekutuan, Lafaz Ikrar Rukun Negara, Simposium Pendidikan Rukun Negara, Konvensyen Sekretariat Rukun Negara, Modul Penghayatan Rukun Negara, Jelajah Belia Rukun Negara dan Program Latihan Khidmat Negara 3.0.

"Semua agensi di bawah Kementerian berperanan penting termasuk jentera perpaduan di peringkat komuniti seperti Kawasan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sosial, Sekretariat Rukun Negara dan Kelab Rukun Negara untuk saling bekerjasama mendukung aspirasi perpaduan nasional dalam merealisasikan hasrat membangun Malaysia MADANI.

"Kerajaan sentiasa memberikan penekanan kepada aspek perpaduan dan meletakkannya sebagai asas dalam setiap dasar pembangunan yang dirangka.

Namun, agenda perpaduan tidak seharusnya diletakkan atas bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya masyarakat pelbagai latar belakang dan kaum di negara ini perlu bersama-sama memainkan peranan masing-masing," katanya.

Menurut Aaron lagi, menerusi pengisian dan pendekatan yang dilaksanakan Kementerian, beliau berharap tujuh fokus utama KPN pada tahun ini dapat dilaksanakan.

"Antaranya, pemerkasaan jentera perpaduan seperti Kawasan Rukun Tetangga dengan memberi tumpuan kepada lapan bidang iaitu Ekonomi dan Sara Hidup; Keselamatan dan Ketahanan Komuniti; Kepimpinan; Kesejahteraan Komuniti; Pembelajaran Sepanjang Hayat;

Alam Sekitar; Warisan dan Budaya; dan Daya Cipta. Bagi Fasa 1 terdapat 116 buah RT di seluruh negara telah pun dikenal pasti untuk dijadikan Model RT Progresif.

"Selain itu, meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai amalan hidup sehari-hari tujuan menjadi fokus tumpuan KPN bagi tahun ini. Seterusnya menyuburkan warisan dan budaya negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia, Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Antara usaha yang akan dilakukan adalah 11 Program Citra Nusa Muzium, Siri Jelajah Bicara Bahasa Kolokial, Program Arkib Komuniti & Karnival Membaca Kebangsaan.

"Menerusi hala tuju ini, saya berharap keharmonian perlu dipelihara, dipupuk dan diterapkan dalam diri dan kemudian diwariskan kepada generasi seterusnya.

"Kita semua perlu ingat, setiap daripada kita bertanggungjawab dan berperanan dalam menjaga keharmonian, kedaulatan, keamanan dan keselamatan negara yang dicintai.

"Hayati prinsip Faham, Hormat dan Terima dalam memupuk keharmonian dan kepelbagaiannya. Kementerian akan terus melaksanakan pelbagai program intervensi bagi mengukuh dan menyatupadukan rakyat negara ini.

"Saya percaya solidariti dan semangat kebersamaan rakyat akan menjadi benteng utama menangani ancaman terhadap perpaduan dan keharmonian negara yang menjadi tanggungjawab bersama.

Terdahulu, Sambutan ini membuka tirai melalui Siri Jelajah Kembara Perpaduan bermula di Sabah, disusuli Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Terengganu, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan kini di Johor.

Kementerian mengalu-alukan kehadiran orang ramai dari seluruh pelosuk negara untuk sama-sama mencipta detik-detik perpaduan di Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan

Sumber : [KPN terus pupuk semangat perpaduan, keharmonian \(bharian.com.my\)](http://bharian.com.my)